

# AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR SEJAHTERAKAN UMMAH

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

(Surah Al-Anfal, ayat 25)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sentiasalah berusaha mempertahankan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan berkat kikhlasan serta kesungguhan kita dalam melaksanakan tuntutan tersebut membolehkan kita mencapai darjat taqwa yang sebenar-benarnya, seterusnya beroleh balasan syurga sebagaimana telah dijanjikan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٤﴾ فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِكٍ مُقْتَدِرٍ ﴿٥٥﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang bertaqwa, ditempatkan dalam taman-taman syurga (yang indah) dan (dekat) beberapa sungai di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan yang menguasai segala-galanya, lagi yang berkuasa melakukan sekehendak-Nya." (S. Al-Qamar: 54-55).

## HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi Muhammad SAW bersabda, yang bermaksud: "Jauhilah oleh kamu semua tujuh kebinasaan."

Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah apakah tujuh kebinasaan tersebut?"

Jawab Rasulullah, tujuh kebinasaan itu ialah syirik kepada Allah, sihir, membunuh diri yang diharamkan Allah melainkan dengan hak, makan riba, makan harta anak yatim, berpaling atau lari dari medan peperangan dan menuduh wanita-wanita Mukmin yang baik." (HR As-Syaikhhan).

Melalui Hadithnya ini, Rasulullah SAW mengingatkan kita semua supaya menjauhi tujuh perkara yang disenaraikannya kerana ia membawa kebinasaan. Perkara-perkara itu disifatkan Baginda sebagai berbahaya dan membawa kebinasaan kerana ia menggugat keimanan dan akidah seperti perbuatan syirik dan sihir. Manakala perbuatan makan riba, makan harta anak yatim dan sebagainya itu berpotensi mengancam keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Justeru, menjadi kewajipan bagi setiap Muslim menjauhi perkara-perkara keji tersebut di samping bertanggungjawab mencegah saudara seagama daripada terbabit melakukannya sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Dalam erti kata lain, setiap Muslim bukan sahaja wajib menjauhi daripada segala perbuatan dilarang Allah SWT dan Rasul-Nya, malah wajib mencegah apa jua bentuk perbuatan mungkar dan maksiat yang berlaku dalam lingkungan keluarga dan masyarakat. Tanggungjawab yang berat tetapi mulia ini terakam pada firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Yang bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang Berjaya.” (S. Ali Imran: 104).

#### SAUDARA MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Di dalam ayat yang telah dibacakan itu, Allah SWT menganjurkan supaya ada di kalangan umat Islam pihak yang berperanan serta bertanggungjawab melakukan Amar Makruf, yakni menyuruh dan mengajak melakukan kebaikan di samping melakukan Nahi Mungkar, iatu mencegah perbuatan salah atau jahat.

Dan sayugia ditegaskan di sini bahawa sesungguhnya Amar Makruf mempunyai pengertian dan skop yang luas merangkumi seluruh ruang lingkup kehidupan manusia. Terangkum di dalamnya menyeru umat Islam agar kembali kepada Islam secara keseluruhannya sejajar dengan perintah Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hakamnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.” (S. Al-Baqarah: 208).

Sehubungan itu, menyeru serta memandu manusia melaksanakan ibadah solat, puasa, zakat, haji, berakhlak mulia dan menuntut ilmu termasuk dalam skop pengertian Amar Makruf. Demikian juga halnya dengan menyeru manusia ke arah perpaduan dan kesatuan ummah, menegakkan keadilan sosial, membasmi kemiskinan dan berjuang menegakkan Islam juga dikira Amar Makruf. Ini bermakna, apa jua usaha dan perjuangan yang menjurus ke arah kebaikan dan kesejahteraan ummah menurut landasan Islam tergolong sebagai perbuatan Amar Makruf.

Sementara itu, apa saja perbuatan ditegah Islam adalah wajib dihalang dan dicegah agar tidak merebak dalam masyarakat. Ia memerlukan tindakan Nahi Mungkar yang mencakupi pengertian mencegah segala bentuk maksiat dan dosa yang berlaku menurut kemampuan dan bidang kuasa yang ada. Ini bertepatan dengan anjuran Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

*“Sesiapa daripada kamu yang ternampak kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya atau mencegahnya dengan tangannya (kuasanya). Sekiranya dia tidak mampu dengan tangannya, maka hendaklah dia mengubahnya (mencegahnya) juga dengan lidahnya. Jika dia tidak mampu juga, maka dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman.”* (HR Muslim).

## **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Di sekeliling kita, sama ada di Bandar mahupun di desa, banyak kemungkaran yang kadang-kadang sudah lali di mata kita sehingga kita tidak mampu menghalangnya, hanya dengan hati yang tidak menyetujui. Antaranya ialah perbuatan mendedah aurat, tidak mengerjakan solat dan pasangan bukan mahram bersentuhan. Ia jelas mengisyaratkan kerja Amar Makruf Nahi Mungkar tidak boleh diabaikan dalam apa jua situasi dan kondisinya.

Ingatlah! Pengabaian terhadap kewajipan Amar Makruf Nahi Mungkar akan mengundang murka dan azab Allah SWT. Ini sebagaimana yang dideritai oleh Bani Israel yang kisahnya Allah SWT rakamkan di dalam Al-Quran:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا  
وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾  
كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا  
يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Yang bermaksud: *“Orang-orang kafir Yahudi dari bani Israil telah dilaknat (di dalam kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan.”* (S. Al-Maaidah: 78-79).

Kerana itu, betapa pentingnya Amar Makruf Nahi Mungkar dilaksanakan oleh umat Islam mutakhir ini mengingat bahawa maksiat dan kemungkaran semakin berleluasa. Hampir setiap hari, media massa menyiarkan berita kes pembuangan dan penderaan bayi, pembunuhan, rompakan, rasuah, judi, ragut dan sebagainya. Ia seolah-olah memperlihatkan manusia tidak lagi hiraukan pahala dan dosa serta nasib hidup di akhirat kelak.

Jadi, sebelum bala yang lebih hebat diturunkan oleh Allah SWT, sebaiknya setiap individu Muslim mengambil daya usaha mencegah kemungkaran. Lebih-Lebih lagi kemungkaran yang berlaku di hadapan mata. Segala gejala sosial yang memudaratkan umat dan masyarakat hendaklah dibanteras sama sekali tanpa kompromi.

## **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Meskipun kita mempunyai para ustaz, ustazah, pendakwah, guru serta pihak berkuasa seperti polis dan pegawai penguatkuasa agama yang mempunyai bidang kuasa menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran, namun pelaksanaan Amar Makruf Nahi Mungkar ini sewajarnya dimulakan dari rumah lagi. Ini kerana, baik buruknya sesebuah masyarakat itu berkait rapat dengan institusi keluarga yang merupakan unit terkecil masyarakat.

Dalam hubungan ini, penting bagi ibu bapa Islam mengutamakan tarbiah Islamiah kepada anak-anak sebagai usaha memastikan mereka menjadi anak soleh dan bermanfaat kepada masyarakat. Kalau anak-anak di bawah jagaan kita melakukan sesuatu bercanggah dengan ajaran serta nilai Islam dan norma masyarakat, maka jangan teragak-agak untuk menegur mereka dan membimbing mereka melakukan perkara yang betul supaya tidak tergelincir ke lembah kejahatan. Pengabaian serta kegagalan dalam melaksana tanggungjawab ini akan memungkinkan harapan untuk membina institusi rumah tangga yang bahagia dan sejahtera tidak akan tercapai.

Apabila Amar Makruf Nahi Mungkar diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat Islam sehingga menjadi elemen yang diterima dan difahami oleh segenap ahli masyarakat, maka ia akan mencetuskan kesejahteraan masyarakat dan Negara. Ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Seorang Muslim yang sejati ialah orang Islam di sekelilingnya yang berasa selamat daripada lidahnya dan tangannya; seorang Mukmin sejati ialah orang Mukmin di sekelilingnya berasa aman terhadap diri mereka dan harta benda mereka sendiri; dan seorang yang berhijrah dengan sebenarnya ialah seorang yang meninggalkan perkara keji, lalu menjauhinya."* (HR Ahmad)

Oleh hal yang demikian, bertekadlah mulai saat ini untuk membudaya Amar Makruf Nahi Mungkar dalam lingkungan keluarga sendiri dan masyarakat. Sesungguhnya mengerjakan Amar Makruf Nahi Mungkar merupakan sebahagian daripada ciri utama umat Islam sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ...

Yang bermaksud: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)..." (S. Ali Imran: 110).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.